



## UNTUK SIARAN SEGERA

29 DISEMBER 2014

### KENYATAAN MEDIA

#### KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

#### "KPWKM KOMITED BANTU MANGSA BANJIR"

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah bertindak pantas dalam membantu mangsa banjir yang melibatkan enam (6) buah negeri iaitu Terengganu, Kelantan, Pahang, Perak, Selangor dan Johor.

Laporan sehingga jam 12.00 tengah hari, 29 Disember 2014 menunjukkan bahawa sebanyak 661 pusat pemindahan telah dibuka di negeri-negeri tersebut yang melibatkan seramai 53,182 keluarga dan 218,564 mangsa.

JKM telah menyalurkan bantuan untuk mangsa-mangsa bencana yang terlibat sejak hari pertama banjir melanda di beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia. Jenis bantuan yang disalurkan melalui pusat-pusat pemindahan yang dibuka adalah seperti berikut :-

- a) Kit Bencana - merangkumi alat kebersihan diri.
- b) Makanan - makanan kering.
- c) Tikar dan selimut ;
- d) Pakaian.

Bagi tujuan mempertingkatkan keupayaan dalam mengurus dan mengendalikan bencana dari segi penyediaan ruang privasi kepada mangsa, JKJ telah memperkenalkan beberapa inisiatif baharu pada tahun ini iaitu dengan mewujudkan pembahagi boleh lipat (collapsible partition), khemah boleh lipat (collapsible tent) dan foam mat. Antara ciri inovasi collapsible

partition ini ialah ianya boleh dijadikan sebagai pemisah atau boleh disambungkan untuk dijadikan bilik atau kiub dengan menggunakan fungsi cangkuk dan stopper. Selain itu, partition tersebut boleh disusun dan diatur mengikut ruang/layout yang ditetapkan untuk ruang tidur, solat, bilik persalinan dan rawatan. Sehingga kini jumlah collapsible partition yang telah diagihkan ialah 2,128 buah manakala collapsible tent dan foam mat masing-masing telah diagihkan sebanyak 4,000 buah dan 3,000 keping.

Di antara masalah yang dihadapi di pusat pemindahan dan mangsa ialah ketiadaan bekalan air dan elektrik, perhubungan jalan terputus dan seterusnya menjejaskan proses penghantaran bekalan makanan kepada mangsa-mangsa di pusat-pusat pemindahan.

Walau bagaimanapun bagi mengatasi masalah ini, Majlis Keselamatan Negara telah menyewa trak-trak bagi tujuan penghantaran makanan, penyediaan tandas bergerak dan bekalan generator.

Manakala JKM pula, bersama-sama dengan jawatankuasa kecil di pusat pemindahan, pemimpin tempatan dan sukarelawan sentiasa membuat proses pendaftaran mangsa banjir, menyediakan keperluan asas seperti selimut dan tikar, menjaga keselamatan, kebersihan, menyediakan makanan serta mengatur aktiviti yang bersesuaian untuk mangsa-mangsa di pusat pemindahan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) juga telah mengumpulkan seramai 517 sukarelawan kebajikan dari seluruh negara untuk membantu pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertugas di pusat-pusat pemindahan banjir. Mereka akan membantu pegawai JKM di pusat pemindahan seperti membuat pendaftaran mangsa, menyediakan makanan serta mengedarkan keperluan kepada mangsa-mangsa banjir. KPWKM juga turut menghantar sukarelawan yang terdiri daripada pegawai KPWKM dalam misi bantuan ini.

Sehingga 29 Disember 2014, seramai 74 orang Pegawai Psikologi JKM terlibat dalam misi pengendalian intervensi krisis kepada mangsa banjir (dewasa dan kanak-kanak) melibatkan aktiviti psikoterapi, psikopendidikan, bimbingan dan sokongan psikologikal di pusat-pusat pemindahan yang boleh diakses setakat ini.

KPWKM menyeru individu, NGO dan Badan Korporat untuk menyalurkan sumbangan ke Tabung Amanah KPWKM bagi membantu keperluan mangsa banjir melalui akaun Maybank 564016600603. Sumbangan juga boleh diberikan melalui cek atas nama Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat atau nama ringkas "KSU KEM.PEMB. WANITA, K'RG & MASY."

Kerjasama yang erat di antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri dalam membantu mangsa banjir ini amatlah diharapkan agar segala perancangan yang diaturkan untuk mangsa bencana ini dapat berjalan dengan sempurna.

Disediakan oleh :

Unit Komunikasi Korporat,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,

Aras 35, No. 55, Persiaran Perdana, Persint 4,

62100 Putrajaya.

Tel: 03-83231087

Laporan kedudukan terkini pusat pemindahan yang  
beroperasi setakat jam 12.00 tengah hari, 29 Disember 2014

NEGERI	DAERAH	PUSAT PEMINDAHAN	KELUARGA	MANGSA
1.TERENGGANU	KUALA TERENGGANU	6	197	766
	DUNGUN	34	2,696	10,090
	HULU TERENGGANU	4	34	149
	KEMAMAN	33	5,069	21,718
	<b>JUMLAH</b>		<b>77</b>	<b>7,996</b>

2.KELANTAN	KOTA BHARU	63	10,016	44,081
	PASIR PUTEH	2	50	192
	PASIR MAS	35	5,892	23,568
	TANAH MERAH	24	885	3546
	KUALA KRAI	102	5,005	23,500
	G.MUSANG	17	3,942	17,327
	TUMPAT	33	8,217	30,569
	MACHANG	33	2,121	8,289
	JUMLAH	309	36,128	151,072

3.PAHANG				
	KUANTAN	25	1,753	6,556
	LIPIS	28	562	1,759
	JERANTUT	38	1,323	5,424
	PEKAN	33	991	3,973
	TEMERLOH	49	1,550	5,960

	MARAN	26	631	2,539
	BERA	13	228	896
	JUMLAH	212	7038	27,107
4.PERAK	HULU PERAK	10	182	699
	K. KANGSAR	22	638	2,526
	PERAK TENGAH	18	1,003	3,734
	KERIAN	1	88	290
	HILIR PERAK	1	17	60
	JUMLAH	52	1,928	7,309
5.SELANGOR	KLANG	2	9	33
	JUMLAH	2	9	33

6.JOHOR	BATU PAHAT	2	30	100
	MUAR	1	6	18
	KLUANG	3	38	163
	SEGAMAT	3	9	39
	JUMLAH	9	83	320

	JUMLAH KESELURUHAN	661	53,182	218,564
--	-----------------------	-----	--------	---------

###